

Awasi puak dakwa pejuang demokrasi

BN 24 AUG 1990

SUNGAI PETANI, Khamis — Rakyat diminta berhati-hati terhadap golongan yang mendakwa memperjuangkan demokrasi, tetapi pada zahirnya menggunakan dasar itu untuk meniadakan keputusan rakyat menentukan pemilihan kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan itu yang sering mempertikaikan keadaan pilihan rakyat, adalah mereka yang kecewa kerana tidak dipilih menganggotai kerajaan berkeajaan.

“Preeiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, pernah seiring dengan kita untuk memelihara demokrasi berparlimen di negara ini.

“Tetapi kerana sifat tamaknya untuk menjadi presiden Umno, beliau sanggup meninggalkan parti dan memperti-

kaikan keputusan pemilihan yang dibuat secara demokrasi, semata-mata kerana beliau tidak mahu menghormati demokrasi yang wujud dalam parti,” katanya.

Presiden Umno itu juga menyebut mengenai fitnah yang ditaburkan oleh golongan siswazah luar negara terhadap perletakan aenjata Parti Komunis Malaya (PKM).

Menurutnya, siswazah yang mendapat biasiswa kerajaan itu bertindak demikian kerana kurangnya kesedaran mengenai perkembangan di tanahair dan selepas dihasut oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

“Saya digelar ‘Mahathir Chin Peng’ dan menolong komunis. Tetapi saya ingin bertanya kepada mereka apakah mereka sanggup melihat lebih ramai anggota tentera kita terkorban di hutan?

“Golongan seperti ini tidak tahu membalas jasa baik kerajaan menaja pelajaran mereka di luar negara. Inilah yang menyedihkan kita,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga gembira dengan keputusan lebih 6,000 ahli Pas Sungai Petani menyertai Umno, melalui borang pendaftaran yang diserahkan kepadanya, hari ini.

Beliau berkata, cara itulah yang digalakkan oleh Islam demi mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat.

Menurutnya, rakyat harus mengambil iktibar daripada pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, yang menyebabkan dunia Islam berpecah belah.

Mengenai pakatan Pas-DAP-Semangat 46, beliau berkata, kerjasama itu tidak akan kekal lama kerana kelainan ideologi yang diamalkan oleh pemimpin mereka.